

17 OCT 1996

Mahathir - Pekerja

HUKUMAN BERAT TERHADAP PEKERJA ASING MASUK SECARA HARAM

KUALA LUMPUR, 17 OKt (Bernama) -- Hukuman berat akan dikenakan terhadap pekerja asing yang memasuki negara ini secara haram, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika ditemui pemberita selepas menghadiri majlis jamuan mengutip derma bagi Tabung Amanah Taman Marin di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini, Dr Mahathir berkata: "Pendatang tanpa izin dan sesiapa yang menggaji mereka akan dikenakan tindakan tegas dan kerajaan telah memutuskan supaya mereka dirotan.

Perdana Menteri berkata Majlis Keselamatan Negara (MSN) yang bermesyuarat hari ini membincangkan secara mendalam masalah yang ditimbulkan oleh pendatang tanpa izin yang bekerja di negara ini, yang jumlah mereka hampir sejuta orang.

"Kita membuat keputusan untuk mengambil pendirian tegas berhubung dengan perkara itu bagi menyekat kemasukan pendatang tanpa izin ke negara ini untuk bekerja," kata Dr Mahathir yang juga Pengerusi Majlis Keselamatan Negara.

Beliau berkata pendatang tanpa izin itu akan dihantar pulang ke negara asal dan mereka yang didapati memasuki semula negara ini secara haram, hukumannya akan ditambah termasuk merotan.

Dr Mahathir berkata hukuman yang sama akan dikenakan terhadap orang tengah termasuk merotan kerana kerajaan memandang berat masalah yang ditimbulkan oleh pendatang tanpa izin.

"Undang-undang sekarang berhubung dengan perkara itu tidak memadai. Saya mahu rondaan di sepanjang kawasan pantai negara ini ditingkatkan bagi menghalang kemasukan pendatang tanpa izin," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau tidak memberitahu dengan tepat jumlah sebenar pendatang tanpa izin di negara ini sekarang tetapi yang jelas jumlah mereka jauh lebih ramai daripada mereka yang bekerja secara sah.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding, Presiden Penaja Persatuan Sukan Menyelam Malaysia (MSDA) Mukriz Mahathir dan Presiden Persatuan Pengeluar dan Peralatan Menyelam Amerika Syarikat (DEMA), Lee Selisky. -- BERNAMA

ZAB FAZ